



TAJUK : TERBITNYA FAJAR DAKWAH (BAHAGIAN 1)

A. PILIH JAWAPAN YANG SESUAI BAGI SOALAN-SOALAN DI BAWAH.

1. Misi dakwah Rasulullah SAW bermula apabila turunnya wahyu daripada Allah SWT melalui Surah _____ ayat 1-5.
a. Al Mulk b. Al Mudassir c. Al Fatihah d. Al Baqarah
2. Pada peringkat dakwah secara sulit, Rasulullah SAW menyeru individu daripada keluarga terdekat dan _____ yang rapat.
a. Saudara mara b. jiran c. sahabat d. musuh
3. Di bawah ini adalah antara orang yang awal memeluk Islam KECUALI...
a. Umar Al Khattab b. Khadijah c. Ali bin Abi Talib d. Zaid bin Harithah
4. Dakwah Rasulullah SAW secara sulit mengambil masa selama _____ tahun.
a. 5 b. 3 c. 7 d. 10
5. Dakwah secara terus terang pula dilakukan dalam kalangan _____ dan masyarakat umum.
a. kaum kerabat b. keluarga terdekat c. sahabat d. jiran

B. SUAIKAN STRATEGI DAKWAH SECARA TERUS TERANG DI BAWAH INI DENGAN PERNYATAAN YANG BETUL.

STRATEGI DAKWAH
MENGADAKAN JAMUAN
MENCARI SOKONGAN
UCAPAN AWAM
MENCARI TEMPAT SELAMAT



PERNYATAAN
Naik ke bukit Safa dan mengajak masyarakat Mekah beriman kepada Allah SWT dan meyakini hari kiamat.
Memerintah sebahagian umat Islam agar berhijrah ke Habsyah.
Menjemput seluruh keluarga Bani Muthalib ke jamuan makan
Bertemu dengan qabilah-qabilah yang datang ke Mekah pada setiap musim haji.



- C. TENTUKAN SAMA ADA PERNYATAAN DI BAWAH INI DAKWAH SECARA SULIT ATAU DAKWAH SECARA TERUS TERANG.

NO	PERNYATAAN	JAWAPAN
1	Kemaslahatan untuk menyelamatkan nyawa umat Islam yang menjadi penggerak dakwah	
2	Untuk kemaslahatan dan menyelamatkan nyawa umat Islam yang menjadi penggerak dakwah.	
3	Memantapkan akidah umat Islam yang masih baru dengan ajaran Islam	
4	Menyuntik semangat berdakwah dalam diri umat Islam	
5	Memastikan ajaran Islam dapat diterima tanpa gangguan	
6	Menimbulkan rasa tanggungjawab umat Islam untuk menegakkan syiar Islam	

- D. ISI TEMPAT KOSONG DENGAN JAWAPAN YANG BETUL

POLITIK	SOSIAL
EKONOMI	AGAMA

Berikut merupakan faktor penentangan kaum Musyrikin terhadap dakwah Rasulullah SAW.
Tentukan faktor berikut berdasarkan pernyataan di bawah .

	Golongan bangsawan dan kaya tidak mahu kehilangan kuasa kepimpinan mereka.
	Mereka berpegang kuat dengan kepercayaan nenek moyang mereka, iaitu percaya kepada tuhan yang berbilang.
	Golongan pengukir dan peniaga berhala merasakan ekonomi mereka terjejas.
	Mereka berpegang kuat dengan semangat perkauman dan mengamalkan perhambaan. Mereka menolak persamaan taraf dan keadilan masyarakat yang dibawa oleh Islam.



الحمد لله